

SUMBANGAN INTELEKTUAL IBN MAJID (1432M-1507M) DALAM GEOGRAFI PELAYARAN DI PESISIRAN AFRIKA TIMUR: KAJIAN TERHADAP KARYA-KARYANYA TERPILIH
THE INTELLECTUAL CONTRIBUTION OF IBN MAJID (1432M-1507M) IN THE GEOGRAPHY OF NAVIGATION ON THE COAST OF EAST AFRICA: A STUDY OF HIS SELECTED WORKSAsma' Wardah Surtahman^{1*}, Misri Abdul Muchsin²¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, asmawardah@uitm.edu.my² Professor Sejarah Pemikiran Islam, Fakultas Adab dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, misri.muchsin@ar-raniry.ac.id.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembetulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Ibn Majid adalah seorang tokoh pelayar muslim terkenal di perairan Lautan Hindi pada abad ke-15M. Nama beliau ialah Ahmad bin Majid bin Muhammad 'Amr bin Fadl bin Duwaik bin Yusuf bin Hasan bin Husin bin Abi Ma'laq al-Sa'adi bin Abi al-Rakayib al-Najdi dan berasal dari Julfar (kini Ra's al-Khaimah, Emiriah Arab Bersatu). Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan intelektual Ibn Majid dalam geografi pelayaran berdasarkan catatan beliau. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan manuskrip yang dijilidkan oleh Ibrahim Khuri mengandungi karya-karya Ibn Majid iaitu *Kitab Al-Fawa'id fi Usul 'Ilm Al-Bahr wa al-Qawa'id*, *Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar*, *Urjuzah al-Sufaliyyah*, *Urjuzah al-Sab'iyyah* dan *Urjuzah al-Mu'arribah*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Hasil kajian ini menunjukkan sumbangan intelektual Ibn Majid dalam mencatat panduan lengkap bagi pelayaran di sekitar pesisiran Afrika Timur dengan mengemukakan teori laluan dan laluan alternatif serta panduan pelayaran berbentuk ciri fizikal. Teori geografi yang dicatatkan oleh Ibn Majid ini menjamin keselamatan dan keamanan di dalam pelayaran sehingga selamat sampai ke destinasi yang ditujui.

Kata kunci

Ibn Majid, intelektual, pelayar, geografi pelayaran, Afrika Timur.

Abstract

Ibn Majid was a well-known Muslim navigator in the Indian Ocean during the 15th century AD. His name was Ahmad bin Majid bin Muhammad 'Amr bin Fadl bin Duwaik bin Yusuf bin Hasan bin Husin bin Abi Ma'laq al-Sa'adi bin Abi al-Rakayib al-Najdi and was originally from Julfar (now known as Ra's al-Khaimah, United Arab Emirates). The purpose of this study was to analyse the intellectual contributions of Ibn Majid to geography of navigation through his works. The works of Ibn Majid that were referred to in this study are Kitab Al-Fawa'id fi Usul 'Ilm Al-Bahr wa al-Qawa'id, Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar, Urjuzah al-Sufaliyyah, Urjuzah al-Sab'iyyah and Urjuzah al-Mu'arribah. This study is a qualitative research within using the historical study and content analysis as the research design. The result of this study shows that the intellectual

contributions of Ibn Majid on complete guidelines recorded for coast of East Africa navigation by presenting the theory of routes and alternative routes as well as navigation guides by using physical features. The theory of geography recorded by Ibn Majid guarantees safety and security in the navigation until it reaches the destination safely.

Keywords

Ibn Majid, intellectual, navigator, the geography of navigation, East Africa.

1.0 Pendahuluan

Pelayaran merupakan aktivitas penggunaan kapal di laut. Sejarah pertama terbinanya kapal oleh nabi Nuh a.s. meletakkan laut berperan penting dalam kehidupan manusia (Tabbarah, 2012). Allah S.W.T menciptakan laut sebagai tempat sumber makanan dan kelangsungan kehidupan bahkan juga sebagai medium pelayaran agar manusia memperoleh segala manfaat daripadanya. Meskipun pelayaran dan penerokaan di laut berhadapan dengan cabaran dan risiko, namun terdapat pelbagai manfaat dan rahsia tersembunyi yang perlu diperhati dan dibongkar oleh manusia bagi mendapatkan kebaikan bersama di dunia dan di akhirat. Allah S.W.T telah berfirman yang maksudnya:

“Allah menundukkan lautan untukmu, supaya kapal-kapal dapat belayar padanya dengan seizin-Nya dan supaya kamu dapat mencari sebahagian kurnia-Nya, dan mudah-mudahan kamu bersyukur.”

(al- Jathiyah (45) :12)

Laut tidak terhad kepada hasil laut di dalamnya, tetapi secara yang lebih luas turut meliputi manfaat daripada perkongsian tentang pengalaman ketika belayar di laut. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang memerihalkan mengenai dorongan pelayaran dan pengembaraan (al-Nahl (16): 14, 36, al- Rum (30): 46), pengambilan manfaat daripada sesuatu pelayaran (al-Ma'idah (5): 96, al- 'Ankabut (29): 65, Luqman (31):31, al-Fatir (35):12), merenung dan bertafakur akan kejadian ciptaan Allah (Ibrahim (14): 32-34) serta memahami iktibar, kepentingan dan keadaan kapal yang boleh belayar (terapung) di laut (al-Baqarah (2): 164, Hud (11): 40-41, al-Nahl (16): 15-16, al-Isra' (17):66, al- Fatir (35):12, al-Saffat (37): 139-141, Al-Syura (42):32-34, al-Qamar (54):13-14). Semua fenomena ini merupakan antara perkara yang akan menjadi aspek penting dalam pengalaman seseorang pelayar.

2.0 Kajian Literatur

Terdapat empat perkara yang dibincangkan iaitu ilmu geografi muslim, latar belakang Ibn Majid, karya-karya beliau serta ketokohan dan sumbangan Ibn Majid.

2.1 Ilmu Geografi Muslim

Menurut al-Biruni (973 – 1051M), ilmu geografi bangsa Arab didasarkan atas kaedah penglihatan (*musyahadah*), pengembaraan dan pengalaman seseorang. Dalam menghuraikan kaedah pengamatan dan penglihatan, beliau telah menjelaskannya di dalam kitab *al-Qanun al-Mas'udi* dan cara al-Jahiz (780–868M) mengenai konsep tersebut. Selain itu, al-Biruni menggariskan kaedah rasionaliti sebagaimana yang dibawa oleh ahli geografi Arab terdahulu yang dikenali sebagai ilmu *al-Masalik wa al-Mamalik*. Ia adalah menyerupai konsep yang dibawa oleh Ibn Rustah, ahli geografi

abad ke-10M dalam mengemukakan dalil terhadap teori bumi berbentuk bulat / sfera sebagaimana berikut: (Husin Mu'nis, 1967)

“ *Telah bersepakat para ulama’ bahawa sesungguhnya keseluruhan bahagian bumi mengandungi tanah daratan dan laut seperti bola, dan buktinya bahawa matahari, bulan dan bintang tidak akan terbit dan tenggelam pada setiap pelusuk bumi dalam masa yang sama. Bahkan dapat dilihat terbitnya di timur sebelum tenggelamnya di sebelah barat...*”

Ini menunjukkan bahawa bumi berputar pada paksinya mengelilingi matahari. Matahari yang kelihatan di bumi akan terbit pada waktu siang di sebelah timur, manakala akan terbenam pada waktu senja di sebelah barat. Perkara ini terjadi berulang kali pada setiap hari.

Catatan – catatan penulisan awal geografi yang dilakukan oleh ahli geografi dan pelayar Islam ini memberikan gambaran yang jelas tentang alam di zaman pertengahan sama ada di dalam negara Islam mahupun di luar negara Islam. Lukisan peta bermula apabila wujudnya pembahagian kawasan atau daerah sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Hazm (384-456H / 994-1064M) dan dikemukakan dalam kitabnya iaitu *Fadl al-Andalus*. Melalui pembahagian ini juga, akhirnya membentuk Atlas Islam (Husin Mu'nis, 1967). A. Miller telah menggunakan perkataan atlas bagi menggantikan *surah* yang digunakan oleh ahli geografi muslimin yang dikenali kini sebagai peta. Manakala istilah *mappemundi* digunakan bagi menggantikan perkataan *surah al-Ard* yang bermaksud gambar bumi. Menurut beliau, orang muslim pertama yang melukis peta ialah Abu Zaid Ahmad Ibn Sahl al-Balkhi (934M). Memetik huraian al-Istikhri, al-Balakhli meletakkan negara-negara Islam dalam setiap kawasan yang telah dibataskan. Beliau menerangkan sekitar bentuk kawasan tersebut dan apa yang terletak padanya dari sudut bandar-bandar dan perkara-perkara yang sinonim pada tempat itu (Husin Mu'nis, 1967).

Sarjana Islam juga telah mengkaji penulisan Ptolemy (90-168M) yang menghasilkan buku bertajuk *Geographike Hubhegesis* yang dinamakan oleh orang Arab sebagai *Geography*. Ia kemudiannya dikemaskinikan serta diperincikan secara teratur oleh ilmuan Muslim. Dalam kitab bertulisan *Ighriqi* dan karangan terbesar tokoh Yunani ini, ia tidak popular sehinggalah pada tahun 1533 apabila telah ditahkikkan oleh Arazmuth (Husin Mu'nis, 1967). Ilmuan Arab telah memperincikan kitab ini dengan penambahan kepada iklim, penduduk, tumbuhan, haiwan dan lain-lain lagi. Pada pertengahan kedua kurun ke-12M, penemuan karya terjemahan daripada bahasa Arab ke Latin yang paling banyak sekali diusahakan oleh Gerard dari Carmona (abad 11M). Beliau telah menterjemahkan lebih 70 buah buku Arab ke bahasa Latin meliputi matematik, astronomi, geografi, perubatan dan lain-lain lagi. Boleh dikatakan bahawa lebih banyak ilmu sampai ke Eropah melalui usaha Gerard dari yang lain. Antara buku yang beliau terjemahkan ialah *Almagest* versi Arab karangan Ptolemy yang merupakan karya penting mengenai astronomi (Maruwiah Ahmat; 2003).

2.2 Latar Belakang Ibn Majid

Ibn Majid atau nama penuhnya iaitu al-Shaikh Shihab al-Din Ahmad bin Majid dilahirkan dan dibesarkan di pelabuhan Julfar (Ra's al-Khaimah) (Khuri, 1989). Beliau merupakan Bapa Pelayaran abad ke-15M/9H dan banyak memberikan sumbangan dalam bidang pelayaran bukan sahaja ilmu-ilmu yang dibukukan berdasarkan pengalamannya

malahan beliau turut membantu para pelaut dan pelayar lain dalam mengemudikan kapal mereka untuk ke sesebuah destinasi. Penulisan teragung beliau ialah *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm Al-Bahr wa al-Qawa'id* (*Kitab al-Fawa'id*) merupakan sebuah buku yang menerangkan tentang persediaan sebelum pelayaran, peralatan pelayaran dan kedudukan bintang. Buku ini sesuai sebagai rujukan ilmiah dalam bidang geografi, astronomi dan matematik. Selain itu, buku ini juga membincangkan perkara-perkara di darat yang mesti diketahui oleh para nakhoda sebelum mengemudi kapal mereka (al-'Alim, 1967).

Ibn Majid mula mengemudikan kapal seawal tahun 1456M. Beliau meneruskan aktiviti pelayaran setelah kematian datuk dan bapanya. Di samping latihan belayar yang secukupnya, Ibn Majid telah memahirkan diri dengan melakukan kekerapan terhadap aktiviti pelayaran ke sesuatu destinasi. Pelengkap kepada ilmu pelayaran Ibn Majid ialah penggunaan teknologi dan inovasi pelayaran dalam peralatan yang digunakan bersesuaian zamannya seperti kompas, alat kamal dan astrolab. Peralatan ini penting sebagai alat bantu pelayaran bagi menjamin kelancaran, keselamatan dan ketepatan perjalanan untuk sampai ke destinasi yang dituju. Ibn Majid telah mencatat segala pengalaman, maklumat, cabaran pelayaran dan keadaan geografi tempat laluan dan lawatan, supaya menjadi catatan berguna yang boleh dijadikan bahan rujukan dan panduan bermanfaat dalam ilmu pelayaran.

2.3 Karya-karya Ibn Majid

Ibn Majid telah menghasilkan 40 buah karya berkenaan kapal dan laut (nautical) antara tahun 1462M dan 1489M-1490M. Namun, hanya 25 buah karya sahaja yang ditemui sehingga hari ini. Karya-karya penulisan Ibn Majid berbentuk manuskrip sebahagiannya masih berada di beberapa perpustakaan dan arkib seperti di UAE (Emiriah Arab Bersatu), Paris dan Rusia. Pengumpulan terawal terhadap 20 salinan manuskrip Ibn Majid mengandungi *Kitab al-Fawa'id* dan sebilangan besar karya-karya berbentuk puisi Ibn Majid telah dilakukan oleh Gabriel Ferrand (1923). Manakala, Ibrahim Khuri (1989) lebih terkehadapan dalam menjilidkan dan menulis (menyalin) kembali penulisan Ibn Majid iaitu sebanyak 25 buah karya. Perbezaan himpunan karya antara Ibrahim Khuri dan Gabriel Ferrand hanya empat buah karya iaitu, *Qasidah Mawasim al-Safr*, *Qasidah al-Qafiah*, *Qasidah al-Ta'iyah*, *Urjuzah al-Ma'laqiyyah* dan *Urjuzah Manazil al-Qamr*. Sementara itu, Shumovsky (1957), seorang orientalis Rusia menerbitkan salinan daripada manuskrip yang ditemuinya di Institute of Orientalism, Academy of Sciences of the Soviet Union. Salinan manuskrip tersebut mengandungi tiga qasidah Ibn Majid iaitu *al-Sufaliyyah*, *al-Ma'laqiyyah* dan *al-Ta'iyah* dengan menamakannya "Tri Neizvestnie Lotzii Ahmada Ibn Madjid". Penerbitan Shumovsky ini kemudiannya diterjemahkan kepada bahasa Portugal pada tahun 1969M oleh Miroon Malkeel Jermonsky dan *al-Sufaliyyah* dalam bahasa Inggeris pada 1983M dan seterusnya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab iaitu "Thalath Rahimanajat li Ahmad bin Majid, Mursyid Vasco da Gama".

Sejarawan berbangsa Arab iaitu Ibrahim Khuri (2001) turut membukukan manuskrip *Kitab al-Fawa'id* tersebut di samping menandakan beberapa perkataan yang tampak perbedaannya antara manuskrip versi Paris simpanan Ferrand, naskah *al-Zahiriyyah* di Syria dan naskah *al-Tajiriyyah*, Bahrain. Ibrahim Khuri telah mentahkik *al-Fawa'id* dengan tiga versi manuskrip yang berbeza iaitu naskah Bahrain yang dimiliki oleh Ustadz 'Ali al-Tajir sebagai rujukan asas di samping dua naskah yang masing-masing merupakan naskah dari Perpustakaan Zahiriyah di Damsyik dan naskah Paris. Khuri

turut mencadangkan beberapa perkataan yang tidak jelas tulisan mengikut kesesuaian ayat.

Antara kitab terawal Ibn Majid mengenai pelayaran, *Hawiyah al-Ikhtisar fi Usul 'Ilm al-Bihar* hanya ditulis pada tahun 1462M (866H) iaitu ketika beliau berumur 30 tahun. Seterusnya, catatan berkenaan laluan sekitar pesisiran semenanjung Arab iaitu kitab *Urjuzah al-Sab'iyah* ditulis pada 886H (1481M), manakala kitab *Urjuzah al-Mu'arribah* pada 890H (1485M) dan termasuk sebahagian pesisiran Afrika Timur iaitu *Urjuzah al-Sufaliyyah*. Ini bermakna karya pertama (dalam konteks tarikh) ditulis ketika beliau berumur 30 tahun manakala kebanyakan kitab-kitabnya ditulis pada usia lewat 50-an dan 60-an.

2.4 Ketokohan dan Sumbangan Ibn Majid.

Bidang kajian tokoh pelayaran Islam kurang mendapat perhatian daripada para sarjana. Saranan terhadap kajian ketokohan pelayar Islam khususnya Ibn Majid telah dikemukakan oleh Marina Tolmacheva (1994: 262). Menurut beliau, karya-karya Ibn Majid belum sepenuhnya dikaji kerana kekangan bahasa dan kesusahan menginterpretasikan maklumat daripada teks lama. Oleh yang demikian, sumbangan Ibn Majid dalam pelayaran masih belum menyeluruh. Walaupun Ibn Majid banyak menghasilkan karya-karya penulisan, masih banyak lagi karya-karya beliau yang belum dikaji oleh para sarjana. Bahkan, sebahagian besar daripada karangan beliau hilang atau tercicir dan tidak ditemui sehingga hari ini (Ibrahim Khuri, 1991).

Ketokohan Ibn Majid turut mendapat perhatian daripada beberapa sarjana seperti, Hasan Saleh Shihab (2001), Alfred Clark (1993), Ibrahim Khuri (1991) dan Muhammad Hasan Al-'Aidrus (1991). Namun kebanyakan perbincangan mereka lebih menekankan ketokohan Ibn Majid sebagai ahli falak. Kajian mereka lebih menfokuskan *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm Al-Bahr wa al-Qawa'id* terutama pada bab 3 dan 4 berkenaan falak dan bacaan ukuran berkaitan arah perjalanan. Walau demikian, isu berkenaan keistimewaan laluan pelayaran Ibn Majid belum mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji lepas. Konsep intelektual (Ruslan Zainuddin dan Rosiatimah Mohd Isa, 2006) Ibn Majid adalah berkaitan ilmu, pengalaman, kemahiran dan pemikiran beliau dalam pelayaran. Ini kerana beliau menguasai sesuatu bidang kepakaran dan berperanan dalam masyarakat dalam menghasilkan serta menyebarkan ilmu melalui karya-karya.

Keistimewaan Ibn Majid berbanding pelayar dan pengembara lain adalah kerana beliau sendiri yang menjadi nakhoda kapal. Arahan kepimpinan beliau jelas dinyatakan di dalam penulisannya dan meminta agar pelayar lain mengambil faedah (*al-Sab'iyah*, bait 124-125) terhadap syairnya tanpa ragu (*al-Ma'laqiyyah*, bait 171) serta tiada yang dapat menulisnya melainkan dirinya (*al-Sab'iyah*, bait 292) selain menggesa pelayar lain menghafaz syair-syairnya serta mematuhi kandungannya (*al-Sufaliyyah*, bait 234). Beliau menggesa agar mengikuti keterangan dalam catatan bagi menemukan laluan dan jalan (*al-Sufaliyyah*, bait 125). Ini kerana beliau mencatatkan berdasarkan pengalamannya sendiri (*al-Mu'arribah*, bait 121; *al-Ma'laqiyyah*, bait 227) dan beliau mengatakan bahawa ukuran perjalanan yang salah yang dilakukan pelayar lain hanya diketahui oleh pelayar yang berpengalaman dan berpengetahuan (*al-Sufaliyyah*, bait 80). Oleh yang demikian, Ibn Majid banyak menggunakan perkataan dan ayat arahan agar pelayar (mahupun pembaca) dapat cakna akan maksud catatannya. Penggunaan perkataan "ambillah", "fahamkan", "dengarkan akan nasihatku, tulisanku dan percakapanku" sering digunakan dalam karya-karya beliau. Walau pun pelayaran di

Afrika bukanlah sesuatu yang baru pada abad ke-15M, namun dari sudut catatan dan pelayaran kapal tidak dinyatakan secara terperinci sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Majid. Pelayar bukanlah penumpang kapal tetapi berfungsi sebagai pengemudi dan ketua kapal. Ini berbeza dengan pelayar pada zaman tersebut (abad ke-15M) yang turut belayar ke sebahagian besar Afrika seperti Bartolomeu Dias dan Vasco da Gama.

3.0 Analisis Geografi Pelayaran Ibn Majid

Ilmu geografi adalah salah satu antara disiplin ilmu pelayaran. Ilmu geografi berkembang pesat sewaktu kerajaan Abbasiyyah iaitu di bawah pemerintahan Khalifah al-Mansur (abad ke-8M) dan Khalifah al-Ma'mun (abad ke-9M). Peranan *Bait al-Hikmah* memberi sumbangan kepada kepesatan keilmuan yang merangkumi aktiviti terjemahan penulisan geografi dari Yunani, Parsi, India dan bahasa Arab. Di samping itu, para sarjana sering berkumpul dan berdiskusi berkenaan masalah ilmiah (Cosman & Jones, 2008). Geografi ialah sains tentang permukaan bumi, keadaan fizikalnya, iklim, kependudukan dan keluaran (e-Kamus Dewan, 2019). Dalam artikel ini, penyelidik membahaskan dua perkara iaitu geografi laluan dan geografi fizikal. Bagi geografi laluan, penyelidik akan memaparkan susur laluan yang digunakan oleh Ibn Majid bermula sekitar pesisiran Afrika Timur yang merangkumi pesisiran utara Somalia sehingga pesisiran Tanzania dan Mozambique. Manakala pengertian geografi fizikal adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh Sommerville (1851) iaitu:

Phsyical Geography is a description of the earth, the sea and the air with their inhabitants animal and vegetable, of the distribution of these organized beings, and the causes of that distribution.

Justeru tanda fizikal merupakan salah satu cabang daripada geografi fizikal. Menurut Sharifah Mastura (2005), peringkat pertama bagi geografi fizikal ialah mengkaji setiap elemen atau komponen dalam rumus, contohnya bentuk permukaan bumi, ciri iklim, proses-proses atau bahan. Justeru, Ibn Majid menggunakan isyarat (tanda) dalam mencatatkan tanda fizikal bagi kawasan-kawasan yang dilewatinya. Sebagai contoh, dalam *Kitab al-Fawa'id* (Khuri, 2001), bab kedua menyatakan berkenaan kepentingan mempelajari isyarat sebagai salah satu ilmu untuk belayar.

اعلم أيها الطالب أن لركوب البحر أسبابا كثيرة. فافهمها، وتعلمها، واجتهد عليها، واعرفها. فاولها معرفة المنازل
...وبعدها معرفة المسافات والباشيات والقياسات والإشارات...

Maksud:

Ketahuilah wahai pelajar, bahawa terdapat banyak prinsip untuk belayar di lautan. Maka, fahamilah, belajarlah, bersungguhlah dan ketahuilah ia. Maka, yang pertama adalah pengetahuan berkenaan kedudukan bintang [*lunar mansion*]....dan seterusnya pengetahuan jarak dan ukuran dan tanda (sesuatu kawasan).

Oleh yang demikian, penyelidik mengenengahkan geografi fizikal dengan elemen tanda-tanda fizikal pada sesuatu tempat sebagaimana yang dicatatkan oleh Ibn Majid. Secara keseluruhannya, penyelidik merangkumkan perbincangan kepada dua aspek iaitu geografi laluan dan geografi fizikal.

Ibn Majid merupakan penakluk Lautan Hindi (Al-Mubadar, 1991) dan nakhoda yang menakluki lautan yang luas. Namun begitu, artikel ini membincangkan sebahagian pelayaran Ibn Majid dalam merentasi Pesisiran Afrika Timur dan sekitarnya. Negara-negara Afrika merupakan negara-negara yang terletak di sebelah barat Laut Merah. Ibn Majid telah memerihalkan berkenaan laluan sepanjang pantai Afrika Timur dengan

menyusuri Habsyah (Abyssinia/Ethopia) melalui dataran Barber yang terletak di Afrika Utara. Beliau mencatatkan kedudukan Pelabuhan Musa dan Jardafun (Guardafui, Somalia) yang berada di Semenanjung Somalia seterusnya merupakan permulaan laluan di pesisiran Afrika Timur. Manakala, Zanj (Zanzibar) dan Sofala terletak pada bahagian selatannya. Pelayaran ke pesisiran selatan ini mengambil masa selama tiga bulan.

3.1 Ras Hafun dan Sekitarnya

Dalam bahagian kedua *Urjuzah al-Mu'arribah* (Khuri, 1989), Ibn Majid memberikan tiga laluan bagi pelayaran dari **Ras Hafun** (dikenali juga kini sebagai Xaafun) yang terletak di Timur Laut Somalia ke **Socotra** dan pulau-pulau berdekatan iaitu (a) laluan terus dari Hafun ke Pulau Socotra (bait ke-15), (b) laluan dari Hafun ke Pulau Samhah dan Darsah; atau (c) laluan dari Hafun ke Pulau 'Abd al-Kuri. Berikut adalah catatan Ibn Majid berkenaan laluan dari Hafun ke Pulau Socotra pada bait ke-15, 17 dan 19 dalam *Urjuzah al-Mu'arribah* :

على اليسار إن تكن ذا خيره	15 منه على الواقع ترى سقطرة
في التّعش واحذر من أمور البحر	17 أمّا على سمحا و درزة فاجر
فاحذر ثمّ شعبة المذكور	19 والفرقدان فلعبد الكوري

Maksud :

15. Dari situ [Hafun] kelihatan Socotra

Di sebelah kiri jika anda berpengalaman


17. Manakala untuk ke Samha dan Darzah maka berlayarlah [melalui],

Ke bintang al-Na'sy [arah utara] dan waspadalah daripada hal-ehwal laut.

19. Dan Farqadan [bintang kecil berhampiran dengan kutub Utara] maka, [terletaknya] 'Abd al-Kuri,

Maka, berwaspadalah tatkala melepasi laluan tersebut.

Berdasarkan puisi tersebut, jika pelayar memilih untuk berhenti di pertengahan pelayaran, mereka boleh melalui Pulau Samhah atau Pulau Darsah terlebih dahulu sebagaimana dalam bait ke-17 *al-Mu'arribah* (Khuri, 1989). Adapun, jika bertolak daripada Hafun dan menghala ke kutub utara, pelayar akan melewati Pulau Abd al-Kuri sebagaimana dalam bait ke-19. Penyelidik mendapati bahawa Ibn Majid mencadangkan tiga laluan alternatif bagi pelayaran ke Socotra. Pelayar boleh memilih sama ada meneruskan perjalanan langsung daripada Hafun ataupun berhenti di pulau-pulau berdekatan Socotra untuk berehat mahupun memeriksa keadaan kapal. Peta 1.1 di bawah merupakan rangkuman perjalanan dari Hafun ke Socotra. Ini merupakan contoh dan bukti bahawa Ibn Majid telah melewati laluan-laluan dan perhentian tersebut sebelum mencatatkan pengalaman beliau di dalam penulisannya. Beliau mampu memberikan cadangan pilihan laluan yang membuktikan pengalaman beliau yang luas di dalam pelayaran sekitar pesisiran Timur Afrika dan Lautan Arab.



Peta 1.1: Laluan dari Hafun ke Socotra Melalui Perhentian

Ibn Majid menyebutkan ciri fizikal khusus di pesisiran Afrika Timur dengan beberapa halangan dan tanda untuk sesuatu lokasi, misalnya terumbu karang, beting dan timbunan lumpur yang boleh merosak atau menenggelamkan kapal. Dengan demikian, terumbu karang bukan sahaja menjadi penanda bagi sesuatu kawasan malah menjadi salah satu faktor ancaman di laut. Oleh kerana itu, amatlah bahaya jika pelayaran dilakukan pada waktu malam kerana dikhuatiri kapal akan rosak apabila terlanggar terumbu karang. Manakala, berkenaan ciri hidupan alam dinyatakan oleh Ibn Majid iaitu *al-Qar'aa* sebagai sejenis burung di dalam *Kitab al-Fawa'id* (Khuri, 2001), bab kelapan. Bahkan *al-Qar'aa* merupakan tanda penting bagi pelayaran di pesisiran Afrika Timur. Burung tersebut memiliki perut berwarna putih dan bersaiz lebih besar berbanding burung *al-Munji*.

وفي النادر ترى على ذلك الشَّعب الطير القرعا، التي باطنها أبيض. وهي أكبر من المنجي، فيحسبها الناس المنجي، وليس هي المنجي.

Maksud:

Keunikan yang lain, kamu akan mendapati burung al-Qar'aa, yang mempunyai warna putih di perutnya. Dan ia bersaiz besar berbanding al-Munji walaupun ada yang menyangkanya al-Munji. Dan ia bukanlah al-Munji.

3.2 Habsyah dan Guardafui

Ibn Majid turut memberikan panduan perjalanan darat dari Habsyah (Ethiopia) sehingga ke pantai Afrika Timur. Menurut Ibn Majid, perjalanan dari daratan Berbera akan melewati Habsyah Timur sehingga ke Pelabuhan Musa dan Guardafui. Perjalanan ini dinyatakan menerusi *Kitab al-Fawa'id* (Khuri, 2001), pada bab kesembilan iaitu:

ثم يأخذ البر للمشارك، فيمر على بلد البرابر إلى حدود فيلك، وهو بر الحبشة من المشرق والشمال. فإذا رأيت بندر موسى وجردفون، رجع البر للجنوب إلى حافون

Maksud:

Kemudian diambil jalan ke timur dan melalui tanah Berbera sejauh batas Failak. Ini adalah pantai Somalia dan pengakhiran pantai Habsyah pada timur dan utara. Maka

apabila kamu lihat Pelabuhan Musa dan Jardafun (Guardafui), kembalilah ke selatan menuju ke Hafun.

Sebagai tanda hampirnya menuju daratan Guardafui, Somalia, Ibn Majid mencatatkan dalam kitab *al-Sab'iyyah* (Khuri, 1989), bait ke-189 sehingga bait ke-190 dan bait ke-196 berkenaan burung *al-Munji*.

إن لم تر المنجي بذا المكان
فبر جردفون لم يبق معك
يعادل الكسلان يا رباني
وليس ربح الكوس يبقى ينفعك

Maksud:

Jika kamu tidak nampak *al-Munji* di tempat itu,
Bersamaan *al-Kaslan* (sejenis serangga) wahai pelayar.
Maka, kamu belum sampai ke Jardafun (Guardafui, Somalia),
Dan angin *al-Kus* tidak lagi bermanfaat untuk kamu.

Berdasarkan puisi tersebut, Ibn Majid mencatatkan berkenaan *al-Kaslan*. Mengikut pengertian semasa, *al-Kaslan* adalah sejenis haiwan yang dikenali sebagai sloth dan banyak didapati di Amerika Selatan dan Amerika Tengah (United Nations Environment Programme, 2019). Namun, penyelidik lebih bersetuju dengan maksud sejenis nyamuk (serangga) sebagaimana yang diistilahkan sebagai *al-Ba'ud al-Kaslan* (Aljazeera.net, 2016). Manakala, *rih al-kus* adalah angin pada musim panas (al-Ittihad, 2019). Oleh yang demikian, kapal akan bertolak dan belayar dari Guardafui di sepanjang pesisiran Zanj (Zanzibar, Tanzania) menuju ke bahagian selatan sehingga ke Sofala dan terdapat Pulau *al-Qumar* di sebelah kiri pelayaran.

3.3 Mombasa dan Lamu, Kenya

Pelayaran ke Mombasa, Kenya telah direkodkan dalam bab kedua *al-Sufaliyyah* (Khuri, 1989), daripada bait ke- 212 sehingga bait ke-300. Pelayaran bermula dari Mogadishu (bait ke-219) melalui Barawa (bait ke-220), Malwan (bait ke-234), Battah (bait ke-240), Lamu (di Kenya) dan Kitawa (bait ke-263), Malindi (bait ke-281) dan akhirnya kapal berlabuh di Mombasa (bait ke-300). Berikut adalah contoh petikan dari bait-bait puisi menunjukkan aktiviti pelayaran yang berlaku sekitar Mombasa:

219 وأجر لمقدشوه والبلاد
ان شيت فادخل أو فظل غادط
281 وبعدها أولا ترى ملندي
وقيل راسه طويلا بيدي
300 فادخل هنيث بمسرات السفر لمنبسه فيها المبيع والظفر

Maksud:

219. Pandu ke Mogadishu (Somalia) dan negaranya,
Masuk jika kamu suka atau teruskan [perjalanan].
281. Selepas itu, pertamanya kamu melihat Malindi,
nakhoda mengatakan tanjungnya kelihatan menonjol [jauh di laut].
300. Masuk Mombasa dan nikmati pelayaran,
Mombasa punyai perdagangan dan keuntungan.

Menurut Ibn Majid, Mombasa pada ketika itu pesat sebagai tempat perdagangan. Ini berbeza semasa Ibn Battutah tiba di Mombasa dengan menyifatkannya sebagai sebuah pulau besar dan tidak mempunyai tanah besar serta kebanyakan dipenuhi dengan pokok-pokok tanaman (S.N. Akla & Adi Setia, 2006). Seterusnya, sebelum

Dikhuatiri berdepan dengan kepala [pusaran] *minshar*, tanpa ragu.
Jauhi antara kepala *minshar*,
Dan kepala [pusaran] *humam*, berjaga-jagalah.
Daripada kotoran dan puncak batu,
Beralih ke kanan, nescaya kamu selamat.

Sementara itu di laluan dari Sharqa' (Pulau Fanjove, selatan Zanzibar) ke Munfia (dikenali Pulau Mafia, Tenggara Sharqa') akan kelihatan burung layang-layang di udara serta batu dan terumbu-terumbu karang di laut bagi menandakan pelayar berada pada pertengahan jalan sebelum sampai ke Pulau Mafia. Menurut Ibn Majid, Pulau Mafia merupakan pulau yang berbentuk tiga segi dan mempunyai penduduknya sebagaimana *al-Sufaliyah* (Khuri, 1989) memerihalkan keadaan tersebut pada bait ke-395, bait ke-397, bait ke-410 dan bait ke-412:

مطلع حمارين وطريق ثانيه	395 واجر منها يا أخي لمنفيه
أوراق تعرفها على التحقيق	397 لأنّ في أوساط ذي الطريق
ظهره بشعب وهي لا تسبها	410 قبل وصولك منفيه تلقى بها
مختصرة مثلثة معمورة	412 لمنفيه نغم بها جزيرة

Maksud:

- 395. Belayar [dari Sharqa'] ke Munfia, Mengikuti Centaurus, melalui laluan lain.
- 397. Dengan sebab banyaknya burung layang-layang, Kamu perlu pasti berada dalam pertengahan perjalanan
- 410. Sebelum kamu sampai Munfia, kamu akan bertemu di sana, Timbulan batu dan terumbu karang, jangan meremahkannya.
- 412. Munfia adalah pulau yang bagus, Dengan lekukan berganda, berbentuk tiga segi dan mempunyai penduduk

Manakala, di lautan berhampiran terdapat ikan yang dipanggil sebagai *al-Karik* sebagaimana dicatatkan dalam *Kitab al-Fawa'id* (Khuri, 2001), bab kelapan seperti berikut:

وأما الكريك فهي السمكة التي تعرف في البحر الكبير في الكبر من البتان والبهلول .

Maksud:

Manakala, *al-Karik* adalah sejenis ikan yang didapati di lautan dalam dan saiznya besar berbanding ikan *al-Battan* dan *al-Bahlul*.

Seterusnya pelayaran dari Pulau Mafia, Tanzania menuju ke Waqulah (dikenali Okuza, terletak di barat daya Pulau Mafia), sebuah pulau yang digambarkan oleh Ibn Majid sebagai bulat dan mempunyai mercu tanda dengan terumbu karang yang memanjang. Tanda-tanda yang lain bagi destinasi Waqulah ini adalah pantainya yang putih dan pokok-pokok bersaiz besar serta tinggi. Ini dicatatkan dalam *al-Sufaliyah* (Khuri, 1989), bab ketiga pada bait ke-428 dan bait ke-430 sehingga bait ke-432:

شعب طويل منجذب إليها	أولى وقوله ولها شاميتها
فيها الشجر أدغال بالعين انظره	وهي جزيرة يا أخي مدورة

منفية فخذ وصاتي عنها

فيها الشجر عالية كبيرة

ساحلها أبيض يرون منها

وقبل تاتيها ترى جزيره

Maksud:

Pertamanya Waqulah padanya terdapat terumbu karang,
Panjang merentang dari utara ke pantai.
Padanya [Waqulah] berbentuk bulat, wahai saudara,
Dengan tanaman hijau yang boleh dilihat dengan mata kasar,
Pantainya putih, boleh dilihat daripadanya,
Munfia. Ambil pandangan ku.
Sebelum sampai akan kelihatan pulau,
Padanya terdapat pokok tinggi dan besar.

Setelah itu, pelayaran dari Mombasa menuju ke Kilwa, Wamizi (Vamizi, Mozambique), Mulbayuni, Sofala, Waza dan berakhir di Madagascar dicatatkan pada bab keempat *al-Sufaliyah* (Khuri, 1989), bermula pada bait 468 sebagaimana petikan berikut:

فديرة البر بلا محاله

وإن ترد من كلوة سفالة

وميزي في قطب سهيل يا عزيزي

نعش أحد عشر وهي

Maksud:

Jika kamu mahu belayar dari Kilwa ke Sofala,
Tetapkan, wahai sahabat, ke Wamizi terletak ke arah Canupos, ada 11 jari pada Plough

Pada abad ke-12M, Kilwa telah menguasai perdagangan emas dari pedalaman Afrika melalui Sofala (Tor Sellström, 1851). Menurut Ibn Battutah, beliau telah melawat Kilwa pada tahun 1331M dan memerihalkan Kilwa sebagai satu-satunya bandar yang cantik dan tersusun di dunia. Di Kilwa, emas merupakan sumber utama kekayaan tetapi pedagang bangsa Arab dan Swahili (penduduk Afrika Timur) berdagang di persisiran pantai dengan pelbagai barangan Afrika seperti pakaian, rempah, manik, sutera dari Timur Tengah, India dan China (S.N. Akla & Adi Setia, 2006). Manakala, Mulbayuni (Mozambique) diperihalkan oleh Ibn Majid sebagai kawasan perak dan ambar (bab keempat *al-Sufaliyah*, bait ke-473). Ini diakui oleh Azevedo (2019) dengan kerancangan perdagangan di sekitar Mozambique telah bermula sejak awal abad ke-8M sehingga abad ke-17M dengan pelbagai barang dagangan seperti gading, emas, perak, kulit binatang dan pakaian. Dalam *al-Sufaliyah* bab keempat di samping disebut Wamizi, sebenarnya terdapat beberapa lokasi lain yang turut dinyatakan seperti Sinjaji. Kedua-dua lokasi ini (Wamizi dan Sanjaji) merupakan kota-kota pelabuhan di utara berdekatan Mulbayuni, dan menurut Ibn Majid penduduknya adalah beragama Islam. Lokasi-lokasi lain ialah seperti Matawa yang dipercayai oleh G.R. Tibbetts (1971) sebagai Rio de Mata yang terletak di di utara Sofala. Selain itu, Quelimane dirujuk kepada Kilimani yang dipercayai terletak di Kenya. Ibn Majid ada menyebutkan Pulau Waza yang terletak di selatan Sarbuwa atau Saryuh. Mengikut Tibbetts lagi, Sarbuwa adalah Cape Corrientes yang dipercayai oleh pengkaji Portugis sebagai batas terakhir yang ditembusi oleh pelayar Arab di Afrika Selatan.

Sepanjang pelayaran di pantai Afrika ini terdapat beberapa pelabuhan yang menarik perhatian Ibn Majid, misalnya Mogadishu (ibu negara Somalia) yang merupakan pelabuhan terpenting di persisiran Afrika Timur dan sentiasa disebutkan oleh Ibn Majid dalam *Kitab al-Fawa'id* terutama pada bab kesembilan. Ia dikenali dalam penulisan

Arab sebagai Maqdasuh. Selain itu, Mulbayuni disebut melebihi lima kali dalam bab keempat dalam kitab *al-Sufaliyah*.

4.0 Kesimpulan

Perkembangan kemajuan teknologi yang pada hari ini menggunakan rumah api atau menara tinggi membantu ahli pelayaran dan nakhoda kapal di laut untuk belayar dan mendarat dengan selamat. Namun, usaha intelektual Ibn Majid yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada segala pengalaman sendiri dan pengetahuan pada masa zamannya hendaklah dihargai dan dicontohi. Berdasarkan keterangan berkenaan geografi pelayaran yang merangkumi geografi laluan dan tanda fizikal yang terkandung di dalam karya-karya Ibn Majid, jelas membuktikan bahawa terdapat unsur kepelbagaian di dalam penulisan pelayaran beliau. Setiap petanda hidupan yang diberikan oleh Ibn Majid adalah kesan daripada habitat semula jadi dan permukaan laut. Ibn Majid memberikan sepenuh perhatian kepada jenis dan warna burung dan ikan yang menjadikan laut dan sekitarnya sebagai habitat dan tempat tinggal. Catatan Ibn Majid pada setiap tempat yang dilawati menunjukkan bahawa beliau seorang yang teliti. Beliau telah memuatkan susur jalan masuk ke sesuatu lokasi dalam karya-karyanya agar dapat dijadikan panduan sebagai laluan alternatif bagi para pelayar. Mengikut penelitian menyelidik, Ibn Majid bukan sahaja mengemukakan fakta lokasi pelayaran tetapi juga maklumat mengenai unsur-unsur fizikal pada laluan yang dapat dijadikan panduan pelayaran untuk ke sesuatu destinasi dengan berjaya dan selamat.

Rujukan

Ahmad b. Majid. (2001). *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm Al-Bahr wa al-Qawa'id*, tahkik Ibrahim Khuri. Ra's al-Khaimah: Markaz al-Dirasat wa al-Watha'iq.

"Al-Ba'ud al-Kaslan Yazid Isabah al-Nisa' bi Huma Chikungunya," Aljazeera.net, 11 September 2016, dicapai pada 12 November 2019, <https://www.aljazeera.net/news/healthmedicine/2016/11/9/>

"Al-Kus-Riyah Saifiyah Tartabit bi Zakirah Ahl al-Bahr," al-Ittihad, 14 Julai 2019, dicapai pada 12 November 2019, <https://www.alittihad.ae/article/41330/2019/>.

Al-Mubadar, Salim Sa'adun. (1991) "Ibn Majid al-Ra'id al-Awwal fi Tatwir Fan al-Milahah al-'Arabiyyah" dalam al-Nadwah al-'Ilmiyyah li Ihya' Turath Ibn Majid. Ittihad Kitab wa Adibba' al-Imarat dan Damsyik: Dar al-Hiwar li al-Nasyr wa Tawzi.'

Abd al-'Alim, Anwar. (1967). Ibn Majid al-Mallah. Iskandariah: Dar al-Katib al-'Arabi.

Al-Hamawi, Yaqut. (1977). Mu'jam al-Buldan. Beirut: Dar Sadir.

Al-Mahri, Sulaiman. (1970). al-Manhaj al-Fakhir fi 'Ilm al-Bahr al-Zakhir, tahkik Ibrahim Khuri. Damsyik: al-Matba'ah al-Ta'awuniyah.

Azevedo, Mario J. (2019). Geo-Economy and History. In Emmanuel Nnadozie & Afeikhena Jerome (Eds.), African Economic Development (2nd Ed.). United Kingdom: Emerald Publishing Limited.

Cosman, Madeleine Pelner & Jones, Linda Gale. (2008). *Handbook to Life in Medieval World*. New York: Facts On File.

Ibn Battutah. (2006). *Pengembaraan Ibn Battutah*, terj. Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd.

Ibn Majid, Ahmad. (1989). *As-Sufaliyya: The Poem of Sofala (trans.& explained)*. Ibrahim Khuri. Jilid ke-5. Ra's al-Khaimah: Markaz al-Dirasat wa al-Watha'iq.

"Inqaz Hayawan al-Kaslan," laman sesawang United Nations Environment Programme, dicapai pada 12 November 2019, <https://www.unenvironment.org/ar/alakhbar-walqss/alfydyw/anqadh-hywan-alkslan>.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, "geografi", laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 12 Oktober 2019, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=geografi>

Khuri, Ibrahim. (1989). *Ibn Majid: Munazziru al-Milahah al-Falakiyyah fi al-Muhit al-Hindi wa Biharihi al-Syati'iyah fi al-Qarn al-Tasi' al-Hijri / al-Khamis 'Asyar al-Miladi*. Ra's al-Khaimah: Markaz al-Dirasat wa al-Watha'iq fi al-Diwan al-Amiri.

Maruwiah Ahmat. (2003). *Sejarah Bani Umayyah di Andalus*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Mu'nis, Husin. (1967). *Tarikh al-Jughrafiyah wa al-Jughrafiyyin fi al-Andalus*. Madrid: Matba'ah Ma'ahd al-Dirasat al-Islamiyyah.

Ruslan Zainuddin dan Rosiatimah Mohd Isa, "Intelektual: Satu Perbincangan Konseptual," *Jurnal Intelek* 4(2) (2006), 59-69.

Sellström, Tor. (2015). *Africa in the Indian Ocean: Islands in Ebb and Flow*. Leiden: Brill.

SA, Sharifah Mastura (2005). *Cabaran Arah Perubahan Kini Dalam Geografi Fizikal di Malaysia*. *Malaysian Journal of Society and Space* 1(1), 56-65.

Somerville, Mary. (1851). *Physical Geography*. London: John Murray.

Tabbarah, 'Afif 'Abdul Fattah. (2012). *Al-Anbiya' fi al-Qur'an*, terj. "Penterjemah tidak diketahui." Batu Caves: Victory Agency.

Tibbetts, G.R. (1971). *Arab Navigation In The Indian Ocean Before The Coming of The Portuguese: Kitab al-Fawaid fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id*. London: The Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland.